

**PENGUATKUASAAN SEKATAN KE ATAS PENGELUARAN  
/ PENGHANTARAN MUATAN MELEBIHI BERAT  
GABUNGAN KENDERAAN (BGK) DARI / KE PELABUHAN**

1. Pada 25 November 2024, saya telah mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (National Logistics Task Force - NLTF).
2. Dalam mesyuarat tertutup tersebut, saya telah memaklumkan pemain-pemain industri logistik untuk bersiap sedia kerana Kementerian Pengangkutan (MOT) akan mula mengambil langkah-langkah yang lebih tegas terhadap kenderaan berat, terutamanya berkaitan isu lebihan muatan, demi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.
3. Selaras dengan keputusan itu, MOT dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan telah menyusun pelbagai langkah yang akan diperkenalkan secara berfasa agar keselamatan jalan raya boleh ditambah baik secara sistemik atau *systemic improvement*.
4. Buat masa ini, penguatkuasaan terhadap kesalahan lebihan muatan memerlukan pegawai penguatkuasa untuk menahan kenderaan berat, yang kemudiannya perlu

dibawa ke stesen timbang. Pendekatan ini menghadkan jumlah kenderaan berat yang boleh diperiksa oleh pihak penguatkuasaan.

5. Bermula 1 Julai 2025, MOT akan **menggunakan infrastruktur pelabuhan sebagai kaedah tambahan untuk memperluaskan tindakan penguatkuasaan terhadap isu lebihan muatan** oleh kenderaan berat.
6. Banyak kenderaan berat yang memunggah barang untuk tujuan import dan eksport perlu melalui pelabuhan kita, maka pelabuhan kita boleh bertindak sebagai penapis terhadap kenderaan berat yang melebihi muatan.
7. Sebagai permulaan, penguatkuasaan akan dilaksanakan di semua pelabuhan persekutuan di Semenanjung Malaysia.
8. Bagi transaksi import, semakan akan dibuat di peringkat tempahan. Sekiranya jumlah muatan melebihi Berat Gabungan Kenderaan, sistem akan menolak tempahan secara automatik dan kenderaan terlibat tidak dibenarkan memasuki pelabuhan untuk mengambil kargo tersebut.
9. Bagi transaksi eksport, kenderaan akan ditimbang di pintu masuk pelabuhan. Jika didapati membawa muatan

melebihi Berat Gabungan Kenderaan, maka kenderaan tersebut akan disekat daripada menghantar kargo ke pelabuhan.

10. Perincian yang selanjutnya mengenai dasar terhadap kesalahan lebihan muatan ini akan dimaklumkan oleh Lembaga Pelabuhan masing-masing kepada pemain-pemain industri.
11. Saya berharap pemain-pemain industri dapat memberi kerjasama yang baik dalam usaha kerajaan untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Sememangnya menambahbaik amalan keselamatan akan melibatkan kos, tetapi pelaburan seperti ini bakal memanfaatkan para pengguna jalan raya dari segi mengurangkan kemalangan akibat isu lebihan muatan.

Sekian, terima kasih.

**TAMAT**